

AD13 4740

2

**PEMBIAYAAN HUTANG  
DALAM KEWANGAN ISLAM:  
AMALAN DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD  
(BIMB)**

**SHARIFAH FAIGAH SYED ALWI**

**JABATAN SYARIAH DAN PENGURUSAN  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2004**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511558880

**PEMBIAYAAN HUTANG  
DALAM KEWANGAN ISLAM:  
AMALAN DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD  
(BIMB)**

**SHARIFAH FAIGAH SYED ALWI**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**JABATAN SYARIAH DAN PENGURUSAN  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2004**

## ABSTRAK

Pembiayaan di dalam Islam terdiri daripada dua jenis pembiayaan iaitu pembiayaan ekuiti (*equity financing*) dan pembiayaan hutang (*debt financing*). Fokus kajian ini adalah mengenai konsep pembiayaan hutang dalam sistem kewangan Islam dengan memberi penekanan kepada segala bentuk kontrak pembiayaan hutang yang diamalkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Kontrak-kontrak pembiayaan hutang Islam tersebut adalah *al-Bay' bi Thaman Ājil*, *bay' al-Murābahah*, *bay' al-Ijārah*, *bay' al-Istiṣnā'*, *Qarḍ al-Ḥasan*, *bay' al-Dayn* dan *bay' al-Īnah*.

Pembiayaan hutang Islam di BIMB beroperasi sebagai satu alternatif kepada sistem bank dan kewangan konvensional di Malaysia. Namun, pelaksanaan kontrak pembiayaan hutang secara meluas di BIMB telah mengundang beberapa isu dan persoalan di kalangan para sarjana Islam dan masyarakat umum. Di antara isu-isu yang ditimbulkan ialah mengenai keuntungan yang diambil dalam kontrak pembiayaan hutang Islam ini begitu tinggi sehingga menekan masyarakat Islam. Selain itu, pelaksanaan kontrak pembiayaan hutang di BIMB juga dikatakan lebih kurang sama seperti operasinya seperti amalan riba di bank-bank konvensional. Kajian ini membuat analisis terhadap isu-isu tersebut dan cuba mencari jawapan sebenar dengan mengkaji modus pembiayaan (*modes of financing*) bagi setiap produk pembiayaan hutang Islam yang diamalkan di BIMB. Beberapa pandangan daripada ahli Majlis Pengawasan Syariah BIMB dan tokoh-tokoh akademik yang pernah membuat kajian secara langsung terhadap operasi BIMB juga telah diperolehi.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati amalan kontrak pembiayaan hutang Islam yang diamalkan oleh BIMB dapat diterima dari sudut pandangan syarak kerana ia tidak bercanggah dengan mana-mana prinsip muamalah Islam. Amalan kontrak pembiayaan hutang Islam yang diamalkan oleh BIMB juga tidak terlibat dengan elemen-elemen yang dilarang syarak. Walau bagaimanapun, amalan kontrak pembiayaan Islam di Malaysia telah menempuh dugaan dan persaingan yang amat hebat daripada sistem perbankan konvensional kerana ia beroperasi secara seiringan dalam dunia perbankan dwi sistem.



## ABSTRACT

In Islam there are two types of financing namely; equity financing and debt financing. The study focuses on the concept of debt financing in Islamic financial system by giving emphasis to all the debt financing contracts available at BIMB. These Islamic debt financing contracts are *al-Bay' bi Thaman Ājil*, *bay' al-Murābahah*, *bay' al-Ijārah*, *bay' al-Istiṣnā'*, *Qarḍ al-Ḥasan*, *bay' al-Dayn* dan *bay' al-'Īnah*.

Islamic debt financing system at BIMB is an alternative to the conventional finance and banking system in Malaysia. Nevertheless, the wide Islamic debt financing practice at BIMB has given rise to some issues and questions, that have being brought forward by the public and muslim scholars. Among the major issues raised is firstly, the bank is taking a high profit from the debt financing contracts to the extent of burdening the muslim society. Secondly, practice of Islamic debt financing employed by BIMB is claimed to be similar to *riba* practices at conventional banks. This study analyses these issues and tries to unveil the truth by studying the operation modes of financing for every Islamic debt financing products available at BIMB. It also presents opinions from the members of Syariah Advisory Council of BIMB as well as from academicians who have done similar research on BIMB operations.

This study found out that Islamic debt financing system practiced by BIMB is governed by *syarak* principles, thus does not contradict the Islamic principles of *muamalah*. Nevertheless, the Islamic debt financing system practiced in Malaysia is facing tough

competition from the conventional banking system, that is operating along side Islamic banking in the world of dual banking system.

## ملخص

التمويل في الإسلام نوعان : تمويل الأسهم العامة وتمويل الدين. يركز هذا البحث علي مفهوم تمويل الدين في النظام الاقتصادي الإسلامي بحيث يهتم بجميع أشكال العقود في تمويل الدين التي يطبقها البنك الإسلامي الماليزي (BIMB) . هذه العقود هي البيع بثمن أجل وبيع المرابحة وبيع الإجارة وبيع الاستصناع وقرض الحسن وبيع الدين وبيع العينة.

يسير هذا النظام في BIMB خياراً لنظام في البنوك التقليدية غير أن نظام تمويل الدين الإسلامي من خلال تطبيقاته الفعلية في عقود مع الناس. أثار عدة تساؤلات للفقهاء الإسلاميين والمجتمع. اولا مسألة الربح العالي المأخوذ من المتعاملين مهه. وثانيا مسألة كيفية تطبيق العقد المشابهة لكيفية تطبيق العقود في الأنظمة المصرفية الربوية.

يقوم هذا البحث بتحليل تلك التسؤلات ويحاول أن يعثر علي الإجابة المقنعة من خلال البحث عن طريقة تمويل لنوع من أنواع تمويل الدين الإسلامي التي مارسها BIMB.

والتقط البحث عدة آراء من بعض أعضاء مجلس المراقبين الشرعيين في BIMB والمفكرين الأكاديميين الذين قاموا بالبحث في هذا الموضوع.

وبشكل عام، يجد هذا البحث أن عقد تمويل الدين في BIMB مطابقاً مع تعاليم الشريعة الإسلامية لعدم وجود أية تناقضات مع شروط المعاملة الإسلامية وبالرغم من ذلك. فقد واجه هذا العقد في ماليزيا تحديات ومنافات شديدة من النظام المصرفي التقليدي في البنك الأخرى.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana memberi kekuatan dan hidayahNya sehingga kajian ini dapat disempurnakan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah s.a.w., ahli keluarga, para sahabat dan seluruh umat Islam yang mendapat petunjuk Allah sehingga ke hari kiamat.

Penulis merakamkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Ab. Mumin Ab. Ghani selaku penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada penulis bagi menepati tajuk disertasi sarjana Syariah ini. Berkat teguran, kritikan dan kesabaran beliau membimbing penulis, disertasi ini akhirnya dapat dihasilkan dengan lebih baik dan teratur serta diharap dapat memberi sumbangan kepada masyarakat. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah dan guru-guru yang telah mencurahkan ilmu selama ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga dirakamkan kepada pihak Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) terutamanya kepada Encik Aziz Mohd Noor selaku Timbalan Pengurus Bank Islam Malaysia Berhad cawangan Bandar Jengka, Ustaz Abdul Ghani Endut selaku Pengurus Jabatan Syariah BIMB, Prof. Madya Dato' Hashim Yahya sebagai ahli Majlis Pengawasan Syariah BIMB, Prof. Madya Dr. Hailani Muji Tahir dan Prof. Madya Zakariya Man yang begitu banyak membantu penulis bagi mendapatkan maklumat yang lengkap mengenai kajian ini.

Penulis juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang telah memberi peluang kepada penulis untuk menyambung pelajaran ke peringkat sarjana. Terima kasih juga diucapkan bagi semua rakan sejawat di UiTM terutamanya yang bertugas di UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka.

Penulis juga merakamkan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada suami tercinta Aziz Mohd Noor yang sentiasa bersabar dan memberi galakan serta dorongan sehingga penulis dapat menyiapkan disertasi ini. Sekalung kasih dirakam juga untuk anak-anak tersayang iaitu Atiyyah, Nisrin Sofea dan Muhammad Imtiaz. Begitu juga penghargaan dikalungkan kepada kedua ibu bapa, ibu saudara dan ibu mertua serta ahli keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan penulis.

Semoga semua yang telah disebutkan di atas akan mendapat rahmat dan ganjaran daripada Allah s.w.t. di atas segala jasa yang telah disumbangkan kepada kajian ini.

Ameen...

Sekian.

*Wassalām*

**Sharifah Faigah Syed Alwi**  
**Unit Pendidikan dan Tamadun Islam**  
**Universiti Teknologi Mara Cawangan Pahang**  
**26400 Bandar Jengka**  
**Pahang Darul Makmur**  
**09-4602000**  
**shfaigah@pahang.uitm.com.my**

**18 Ramadan 1424 H/13 November 2003**

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
HALAMAN JUDUL	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
ABSTRAK DALAM BAHASA ARAB	vi
PENGHARGAAN	vii
ISI KANDUNGAN	ix
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI JADUAL	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
SENARAI KEPENDEKAN	xx
JADUAL SENARAI TRANSLITERASI DARIPADA HURUF DAN PERKATAAN MELAYU	xxii

## **BAB PENDAHULUAN**

Pengenalan	1
Latar Belakang Masalah Kajian	2
Kenyataan Tentang Masalah Kajian	6
Objektif Kajian	8
Hipotesis	9
Kepentingan Kajian	10
Skop Kajian	12

Huraian Istilah	14
Ulasan Penulisan	21
Metodologi Kajian	27

## **BAB SATU - PEMBIAYAAN HUTANG DALAM KEWANGAN ISLAM**

1.1	Pendahuluan	30
1.2	Pembiayaan Ekuiti Dan Pembiayaan Hutang Dalam Masyarakat Arab Sebelum Islam	31
1.3	Pembiayaan Ekuiti Dan Pembiayaan Hutang Dalam Islam	33
1.3.1	Perbezaan Pinjaman Dengan Pembiayaan	34
1.4	Pembiayaan Hutang Dalam Islam	37
1.4.1	<i>Bay' al-Salam</i>	41
1.4.1.1	Definisi	41
1.4.1.2	Pensyariatan	43
1.4.1.3	Rasional Pensyariatan	46
1.4.1.4	Rukun dan Syarat Sah	48
1.4.2	<i>Bay' al-Istisnā'</i>	51
1.4.2.1	Definisi	51
1.4.2.2	Pensyariatan	54
1.4.2.3	Rasional Pensyariatan	56
1.4.2.4	Rukun dan Syarat Sah	57

1.4.2.5	Perbezaan Di antara <i>Bay' al-Salam</i> Dengan <i>Bay' al-Istiṣnā'</i>	60
1.4.3	<i>Bay' al-Murābahah</i>	62
1.4.3.1	Definisi	63
1.4.3.2	Pensyariatan	65
1.4.3.3	Rasional Pensyariatan	69
1.4.3.4	Rukun Dan Syarat Sah	70
1.4.3.5	<i>Bay' al-Murābahah Lil Āmir Bi al-Syirā'</i>	71
1.4.4	<i>Al-Bay' Bi-Thaman Ājil</i>	75
1.4.4.1	Definisi	75
1.4.4.2	Pensyariatan	77
1.4.4.3	Persoalan Yang Timbul Dari Amalan BBA	80
1.4.5	<i>Al-Ijārah</i>	84
1.4.5.1	Definisi	84
1.4.5.2	Pensyariatan	87
1.4.5.3	Jenis-jenis	90
1.4.5.4	Rukun dan Syarat Sah	91
1.4.5.5	Penamatan Kontrak	93
1.4.5.6	<i>Al-Ijārah al-Muntahiyyah Bi al-Tamlīk</i> (Sewaan Yang Berakhir Dengan Pemilikan)	94
1.4.6	<i>Qarḍ al-Ḥasan</i>	98
1.4.7	<i>Bay' al-Dayn</i>	103
1.4.8	<i>Bay' al-'Īnah</i>	106



## **BAB DUA - BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB) :**

### **OPERASI SYARIKAT**

2.1	Latar Belakang Penubuhan	110
2.2	Matlamat Dan Prinsip Asas Penubuhan	117
2.3	Perkembangan Dan Pencapaian BIMB	119
2.4	Konsep Dan Prinsip Syariah Dalam Operasi BIMB	126
2.4.1	<i>al-Wadī'ah Yad Ḍamānah</i>	126
2.4.2	<i>al-Muḍārabah</i>	127
2.4.3	<i>al-Musyārah</i>	127
2.4.4	<i>al-Murābahah</i>	127
2.4.5	<i>al-Bay' bi Thaman Ājil</i>	128
2.4.6	<i>Bay' al-Dayn</i>	128
2.4.7	<i>al-Ijārah</i>	128
2.4.8	<i>al-Ijārah Thumma al-Bay'</i>	129
2.4.9	<i>Qarḍ al-Ḥasan</i>	129
2.4.10	<i>al-Wakālah</i>	130
2.4.11	<i>al-Kafālah</i>	130
2.4.12	<i>Ar-Rahn</i>	130
2.4.13	<i>al-Ḥiwālah</i>	130
2.4.13	<i>al-Ujḥ</i>	131
2.4.14	<i>al-Istiṣnā'</i>	131

2.5	Produk Dan Perkhidmatan Yang Disediakan	
	Oleh BIMB	131
2.6	Operasi Syarikat	134
2.6.1	Sumber-sumber Dana	136
2.6.1.1	Ekuiti Pemilik Saham	136
2.6.1.2	Akaun Semasa	136
2.6.1.3	Akaun Simpanan	137
2.6.1.4	Akaun Pelaburan Am	138
2.6.1.5	Akaun Pelaburan Khas	139
2.6.2	Penggunaan Dana	139
2.6.2.1	Rizab Berkanun	140
2.6.2.2	Keperluan Mudah Tunai	140
2.6.2.3	Pembiayaan	141
2.6.2.4	Pembiayaan Perdagangan	144
2.6.2.5	Pelaburan	149
2.6.2.6	Tugas Jabatan Khazanah	150
2.7	Cabaran Dan Prospek	150
2.8	Kesimpulan	160

**BAB TIGA - MODUS PEMBIAYAAN AMALAN PEMBIAYAAN HUTANG DI  
BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)**

3.1	Pendahuluan	162
3.2	Pembiayaan Pelanggan di BIMB	162

3.3	Modus Pembiayaan Bagi Pembiayaan Hutang di BIMB	170
3.3.1	<i>Al-Bay' Bi Thaman Ājil</i>	170
3.3.2	<i>Bay' al-Murābahah</i>	176
3.3.3	<i>Bay' al-Ijārah</i> dan <i>Al-Ijārah al-Muntahiyyah</i> <i>Bi al-Tamlīk</i>	178
3.3.4	<i>Bay' al-Istiṣnā'</i>	181
3.3.5	<i>Bay' al-Dayn</i>	184
3.3.6	<i>Qarḍ al-Ḥasan</i>	189
3.3.7	<i>Bay' al-'Īnah</i>	193
3.4	Kesimpulan	196

## BAB EMPAT – ISU-ISU BERKAITAN AMALAN PEMBIAYAAN HUTANG DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)

4.1	Pendahuluan	198
4.2	Isu-isu Berkaitan Pembiayaan Hutang BIMB	198
4.2.1	Persoalan <i>'Iwaḍ</i>	199
4.2.2	Persoalan <i>al-Ḥiyazah</i>	205
4.2.3	Pengiraan Margin Keuntungan ( <i>Profit Margin</i> ) BIMB Bersamaan Dengan Pengiraan Bunga di Bank-bank Konvensional	206

4.2.4	Kadar Keuntungan Yang Diambil Oleh BIMB Dalam Pembiayaan Terlalu Tinggi Sehingga Mengeneipkan Tanggung Jawab Sosial	208
4.2.5	Persoalan Bayaran Gantirugi Ke atas Kelewatan Dan Keingkaran Pembayaran	210
4.2.6	BIMB Hanya Mementingkan Amalan Pembiayaan Hutang Jika Dibandingkan Dengan Pembiayaan Ekuiti	210
4.2.7	Persoalan Gabungan Dua Kontrak Dalam Satu Produk Kewangan	212
4.2.8	Persoalan Sighah Dalam Akad	214
4.3	Hujah Atau Respon Daripada Pihak Majlis Pengawasan Syariah BIMB	215
4.3.1	Jawapan kepada persoalan <i>'Iwad</i>	215
4.3.2	Jawapan kepada persoalan <i>al-Hiyāzah</i>	221
4.3.3	Jawapan kepada persoalan pengiraan margin keuntungan BIMB sama dengan pengiraan bunga di bank-bank konvensional	221
4.3.4	Jawapan kepada persoalan kadar keuntungan BIMB terlalu tinggi dalam pembiayaannya	222
4.3.5	Jawapan kepada persoalan bayaran gantirugi ke atas kelewatan dan keingkaran pembayaran	224

4.3.6	Jawapan kepada persoalan BIMB lebih mementingkan pembiayaan hutang berbanding pembiayaan ekuiti	226
4.3.7	Jawapan kepada persoalan gabungan dua kontrak dalam satu produk kewangan	228
4.3.8	Jawapan kepada persoalan sighth dalam akad	228
4.4	Pendapat Beberapa Tokoh Akademik Negara Dalam Bidang Ekonomi dan Perbankan Islam	231
4.4.1	Prof. Madya Dato' Mohd Hashim Yahya	231
4.4.2	Prof. Madya Dr. Hailani Muji Tahir	240
4.4.3	Prof. Madya Zakariya Man	242
4.5	Kesimpulan	244

## **BAB LIMA – RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	246
5.2	Kesimpulan	246
5.3	Cadangan	260

<b>BIBLIOGRAFI</b>	272
--------------------	-----

<b>LAMPIRAN-LAMPIRAN</b>	287
--------------------------	-----

## SENARAI RAJAH

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
Rajah 1.1	Memenuhi Kehendak (Hajat Pembiayaan)	30
Rajah 2.1	Pemegang-pemegang Saham BIMB 1983	119
Rajah 2.2	Pemegang-pemegang Saham BIMB 1992	121
Rajah 2.3	Produk dan Perkhidmatan BIMB Mengikut Syariah	132
Rajah 2.4	Sumber dan Penggunaan Dana BIMB	134

## SENARAI JADUAL

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
Jadual 3.1	Statistik Lima Tahun Kumpulan BIMB Holdings Berhad Bagi Pembiayaan Pelanggan	163
Jadual 3.2	Statistik Lima Tahun Kumpulan BIMB Holdings Berhad Bagi Jumlah Aset	164
Jadual 3.3	Pembiayaan Pelanggan BIMB Holdings Berhad	166
Jadual 3.4	Sekuriti Niaga BIMB Holdings Berhad	168
Jadual 3.5	Pembiayaan Mengikut Sektor Oleh BIMB 1998 – 2002	169

## SENARAI LAMPIRAN

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
1.	Struktur Korporat BIMB	287
2.	Faktor Annuiti Dalam Pengiraan Pembayaran	289



## SENARAI KEPENDEKAN

1. AIBIM : Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia
2. AITAB : *Al-Ijārah Thumma Al-Bay'*
3. APA : Akaun Pelaburan Am
4. APK : Akaun Pelaburan Khas
5. BBA : *Al-Bay' bi Thaman Ājil*
6. BMMB : Bank Muamalat Malaysia Berhad
7. BIMB : Bank Islam Malaysia Berhad
8. BNM : Bank Negara Malaysia
9. BOC : *Bank of Commerce*
10. BPI : Bil Penerimaan Islam
11. BSKL : Bursa Saham Kuala Lumpur
12. CRR : *Constant Rate of Return* (Kadar Keuntungan Tetap)
13. ed : Penyunting
14. eds : Penyunting-penyunting
15. et al. : Et alia (dan lain-lain)
16. h. : Halaman
17. Ibid. : Ibidiem (pada tempat yang sama)
18. jil. : Jilid
19. juz : Juzuk
20. KBI : Kad Bank Islam
21. KLIBOR : *Kuala Lumpur Interbank Offer Rate*

22. KPSKE : Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport
23. LUTH : Lembaga Urusan Tabung Haji
24. MIS : *Management Information System* (Sistem Pengurusan Maklumat)
25. MPS : Majlis Penasihat Syariah
26. PERKIM : Badan Kebajikan Malaysia
27. PSA : *Property Sale Agreement* (Perjanjian Jual Hartanah)
28. op.cit. : opere citato (dalam karya yang dirujuk sebelum)
29. r.a. : Raḍiya Allāh ‘anhu
30. RM : Ringgit Malaysia
31. s.a.w. : Ṣalla Allāhu ‘alayh wa Sallam
32. s.w.t. : Subḥānahu wa Ta’ālā
33. SP : Selling Price (Harga Jualan)
34. SPI : Skim Perbankan Islam
35. SPTF : Skim Perbankan Tanpa Faedah
36. SC : *Security Commissions* (Suruhanjaya Sekuriti)
37. terj. : Terjemahan
38. T.P. : Tiada Penerbit
39. t.t. : Tanpa Tahun, Tanpa Tarikh
40. T.T.P. : Tiada Tempat Terbit
41. Vol. : Volume
42. YPEIM : Yayasan Pembangunan Ekonomi Malaysia

**JADUAL SENARAI TRANSLITERASI DARIPADA HURUF DAN  
PERKATAAN MELAYU**

ء	=	a, ' (Hamzah)	ظ	=	z
ب	=	b	ع	=	'
ت	=	t	غ	=	gh
ث	=	th	ف	=	f
ج	=	j	ق	=	q
ح	=	h	ك	=	k
خ	=	kh	ل	=	l
د	=	d	م	=	m
ذ	=	dh	ن	=	n
ر	=	r	و	=	w
ز	=	z	ه	=	h
س	=	s	ى	=	y
ش	=	sy	ة	=	h
ص	=	ş			
ض	=	đ			
ط	=	ţ			

### Vokal Panjang

ا	ā
و	ū
ء ی	ī

### Vokal Pendek

( fathah)	a
( dammah)	u
( kasrah)	i

### Diftong

او	aw
ای	ay/ī
ی	iy
و	uww

Sumber : Pedoman transliterasi Huruf ' Arab ke Huruf Rumi , (1988), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, bagi pihak Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.

**BAB**

**PENDAHULUAN**

## **BAB PENDAHULUAN**

### **Pengenalan**

Sistem kewangan Islam merupakan satu bidang yang amat menarik untuk diperbincangkan kerana ia merupakan realiti yang baru dipraktikkan semula iaitu sejak dekad 1970 an. Namun, perlu diingat bahawa falsafah dan prinsip sistem kewangan Islam telah digariskan dalam al-Quran dan al-Sunnah sejak 1400 tahun yang lalu.<sup>1</sup> Kesempurnaan Islam sebagai satu agama yang telah diwahyukan oleh Allah s.w.t. bermakna ia mempunyai norma-norma dan peraturan-peraturan untuk dipatuhi dan diamalkan oleh penganut-penganutnya dalam semua lapangan kehidupan. Ini termasuklah aktiviti ekonomi yang membentuk satu sistem kewangan yang amat penting dalam kehidupan.<sup>2</sup>

Sistem kewangan dan perbankan Islam di Malaysia adalah satu perkembangan yang baru melepasi jangka masa dua puluh tahun. Sebaliknya, sejarah perbankan konvensional pula hampir menjangkau satu kurun. Institusi perbankan Islam yang pertama di Malaysia ialah Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang ditubuhkan pada tahun 1983 dan ianya dikawal oleh Akta Bank Islam 1983. Dalam Industri Insuran Islam pula atau lebih dikenali dengan takaful, ianya telah dipelopori oleh

---

<sup>1</sup> Tan Sri Dato' Jaffar Hussein (1990), "Sistem Kewangan Islam dalam Dekad 1990 an", <http://www.geocities.com/CapitolHill/5362/ecoi/index.html>, 3 Jun 2003.

<sup>2</sup> *Ibid.*

Syarikat Takaful Malaysia Berhad pada tahun 1984. Industri takaful pula dikawal oleh Akta Takaful 1984.<sup>3</sup>

Berhubung dengan pasaran modal Islam pula, ianya hanya bermula pada tahun 1996 apabila pihak Suruhanjaya Sekuriti telah mengeluarkan senarai-senarai saham-saham yang diluluskan syariah di mana-mana saham ini diperniagakan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Namun, aktiviti pasaran modal Islam tidak dikawal oleh satu akta khas kerana mungkin akta-akta yang berhubung dengan pasaran modal sudah mencukupi untuk pihak Suruhanjaya Sekuriti mengawal pasaran modal konvensional dan juga Islam. Setiap industri dalam sistem kewangan Islam kemudiannya telah berkembang dengan maju dan pesat kerana beberapa faktor yang menggalakkan<sup>4</sup> terutamanya sokongan daripada pihak kerajaan Malaysia sendiri.

#### **A. Latar Belakang Masalah Kajian**

Sebelum kemunculan sistem perbankan yang dipelopori oleh negara Eropah di zaman kebangkitan industri dan sebelum wujudnya skim perbankan tanpa faedah di Malaysia dan negara Islam yang lain, perundangan Islam tradisional sudah mempunyai beberapa instrumen kewangan untuk memenuhi keperluan modal pihak pengeluar, pengilang, petani dan seumpamanya.. Namun, instrumen-instrumen ini yang diperakui oleh perundangan Islam sebenarnya memberi gambaran kepada

---

<sup>3</sup> Prof. Madya Dr. Mohd Daud Bakar (1999), "Isu Syariah Dalam Perbankan dan Kewangan Islam : Pelaksanaan, Potensi dan Cabaran dalam Pasaran Kewangan Islam dan Konvensional" (Kertas Kerja Seminar Kewangan Islam, Kolej Islam Darul Ehsan, Shah Alam , 7 Ogos 1999), h. 1.

<sup>4</sup> *Ibid.*, h. 2.

falsafah perundangan Islam itu sendiri yang menggalakkan pelaburan, perkongsian untung dan rugi, bebanan risiko setimpal dengan keuntungan yang bakal didapati dan seumpamanya.<sup>5</sup>

Sistem kewangan dan perbankan Islam yang berasaskan kepada perkongsian untung dan rugi adalah menjadi alternatif untuk menggantikan sistem kewangan dan perbankan konvensional yang berasaskan kepada bunga atau riba. Teori bunga (*interest*) moden yang diadakan dalam kajian ekonomi konvensional adalah merupakan satu teori yang tidak jelas dan kabur. Beberapa percubaan untuk menjustifikasikan amalan bunga dalam sistem kewangan dan perbankan konvensional telah gagal dipertahankan oleh ahli-ahli ekonomi konvensional.

Perundangan Islam tradisional tidak mengamalkan pembiayaan kewangan seperti yang diamalkan pada hari ini seperti melalui instrumen *bay al-Murābahah*, *al-Bay' bi Thaman Ājil*, *bay' al-Ijārah*, sekuriti hutang dan sebagainya. Kemunculan dan amalan instrumen-instrumen tersebut dalam pembiayaan kewangan semasa mempunyai latar belakang dan justifikasi tersendiri yang perlu dilihat daripada perspektif moden. Pada tahun 1993<sup>6</sup> iaitu selepas sepuluh tahun BIMB beroperasi di negara kita, sistem perbankan tanpa faedah (SPTF) telah diperkenalkan menyebabkan sistem perbankan Islam beroperasi selari dan sejajar dengan sistem perbankan konvensional dalam sistem perbankan dwi sistem (*dual system of banking*).

---

<sup>5</sup> Dr. Mohd Daud Bakar (1997), "Aspek-aspek Pembiayaan Projek dalam Amalan Perbankan Islam", *Jurnal Syariah*, Jil. 5. Bil. 2, Julai 1997, h. 208.

<sup>6</sup> *Ibid.*



Pembiayaan kewangan boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu pembiayaan ekuiti (*equity financing*) dan pembiayaan hutang (*debt financing*). Kedua-dua bentuk pembiayaan ini amat penting dalam menggembelngkan sesuatu sistem kewangan. Dalam sistem ekonomi konvensional yang diamalkan di Malaysia hari ini, pembiayaan ekuiti dilakukan melalui pengeluaran syer atau saham yang berkemungkinan memberikan hasil dalam bentuk syer atau saham. Manakala pembiayaan hutang pula dilakukan melalui pinjaman yang berasaskan faedah atau *interest*.<sup>7</sup>

Islam mempunyai norma dan peraturannya yang tersendiri bagi memenuhi kehendak manusia terhadap pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang. Bagi pembiayaan ekuiti, Islam menghalalkan kontrak-kontrak perkongsian untung (*profit sharing contracts*) yang utama dalam Islam iaitu *al-Muḍārabah* dan *al-Musyārahah*. Secara kasarnya *al-Muḍārabah* ialah pengeluaran syer atau saham yang mempunyai hak mengurus atau mengundi dalam sesuatu projek. Kontrak-kontrak ini mempunyai asas-asas secara langsung daripada al-Quran dan al-Sunnah. Bagi pembiayaan hutang pula, Islam menghalalkan kontrak pertukaran (*uqūd al-Muāwadhāt* atau *contracts of exchange*) yang melibatkan pembayaran bertangguh (*deferred payments*).<sup>8</sup>

Terdapat banyak bentuk kontrak-kontrak pertukaran ini di antaranya ialah *al-Bay' bi Thaman Ājil* (jualan dengan harga tangguh), *bay' al-Murābahah* (jualan dengan

---

<sup>7</sup> Tan Sri Dato' Jaffar Hussein (1990), *op.cit.*

tambahan untung), *bay' al-Ijārah* (sewaan), *bay' al-Dayn* (dagangan hutang), *bay' al-'Īnah*, *Qard al-Ḥasan* (pinjaman kebajikan) dan sebagainya. Namun, terdapat segolongan umat Islam di dunia hari ini terutamanya yang berada di Timur Tengah kurang menerima amalan pembiayaan hutang dalam sistem kewangan dan perbankan.. Golongan ini menganggap bahawa operasi pembiayaan hutang hampir sama dengan operasi riba yang diharamkan dengan jelas oleh Allah s.w.t. Golongan ini juga mendakwa bahawa pembiayaan hutang menggunakan nama *al-bay'* dalam produknya sebagai label untuk menipu pandangan masyarakat awam terhadap operasinya. Golongan ini juga berpandangan bahawa pembiayaan ekuiti merupakan pembiayaan yang lebih bertepatan dengan syariah Islam jika dibandingkan dengan pembiayaan hutang.

Dalam pemberian pembiayaan kepada pelanggan, BIMB sememangnya lebih banyak menggunakan kontrak pembiayaan hutang berbanding dengan kontrak pembiayaan ekuiti. Tindakan pihak BIMB ini banyak dipersoalkan oleh masyarakat Islam di Malaysia. Persoalan tersebut datang sama ada dari kalangan ahli akademik atau masyarakat awam.

Namun, kenyataan yang tidak dapat dielakkan ialah kebanyakan bank-bank yang terlibat dalam Skim Perbankan Islam (SPI)<sup>8</sup> di Malaysia memang banyak menggunakan kontrak pembiayaan hutang dalam pembiayaannya. Kajian ini

---

<sup>8</sup> Asalnya dikenali sebagai Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF). Pada 1 Disember 1998, kerajaan Malaysia telah menukar istilah tersebut dari SPTF kepada SPI. Sila rujuk Bank Negara Malaysia (1999), *The Central Bank and the Financial System in Malaysia – A Decade of Change*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, h. 245.

bertujuan untuk mengupas secara terperinci mengenai pandangan Islam terhadap kontrak pembiayaan hutang. Amalan atau praktis kontrak pembiayaan hutang di BIMB dari sudut modus pembiayaan dan cara pengiraan pembiayaan juga akan dikaji. Segala isu atau persoalan yang ditimbulkan mengenai amalan pembiayaan hutang di BIMB akan diperjelaskan dari segi hukum syarak.

## **B. Kenyataan Tentang Masalah Kajian**

Perkembangan sistem perbankan Islam di Malaysia amat memberangsangkan. BIMB sebagai bank Islam pertama dan perintis di Malaysia telah mencatat kejayaan yang amat menggalakkan sehingga ia menjadi contoh dan menjadi tempat rujukan bagi bank-bank konvensional di Malaysia dan bank-bank dari luar negara seperti Indonesia dan Brunei yang ingin mempraktikkan amalan perbankan Islam. Namun, apa yang dikesalkan masih terdapat suara-suara di dalam masyarakat Islam yang mendakwa tindakan BIMB yang terlalu menumpukan kepada amalan pembiayaan hutang Islam daripada pembiayaan ekuiti Islam dalam pembiayaannya adalah kurang tepat atau *non islamic* menurut pandangan Islam.

Berdasarkan kepada latar belakang masalah di atas, satu kajian perlu dijalankan untuk mengkaji sejauh manakah kebenaran dakwaan bahawa pembiayaan hutang di dalam sistem kewangan Islam tidak begitu Islamik atau kurang diterima oleh para ulama jika dibandingkan dengan pembiayaan ekuiti dalam pembiayaan Islam. Pandangan Islam terhadap konsep pembiayaan hutang seperti *al-Bay' bi Thaman Ājil* (jualan

dengan harga tangguh), *bay' al-Murābahah* (jualan dengan tambahan untung), *bay' al-Ijārah* (sewaan), *bay' al-Dayn* (dagangan hutang), *bay' al-'Inah*, *Qard al-Hasan* (pinjaman kebajikan) dan sebagainya perlu diperjelaskan secara terang dan lengkap. Kajian ini bertujuan agar segala keraguan mengenai kesahihan amalannya dari segi hukum dapat dipadamkan dan dapat membantu BIMB dari segi memberikan kefahaman kepada masyarakat umum.

Dalam usaha untuk membuktikan BIMB benar-benar menjalankan operasi syarikatnya mengikut landasan syarak, kajian perlu dijalankan untuk melihat secara terperinci perjalanan operasi syarikat BIMB di dalam sistem kewangan dan perbankan di Malaysia yang mengamalkan dwi sistem (*dual system of banking*). Kajian perlu dilakukan untuk meneliti bentuk konsep dan prinsip syariah yang terdapat dalam operasi BIMB serta bentuk produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Bagi memastikan modus pembiayaan (*modes of financing*) bagi kontrak pembiayaan hutang Islam yang dijalankan di BIMB benar-benar menurut syarak, kajian perlu dibuat terhadap setiap aplikasi sebenar kontrak pembiayaan hutang di dalam pembiayaan pelanggan yang diberikan. Contoh yang boleh dilihat ialah perjalanan modus pembiayaan bagi *al-Bay' bi Thaman Ājil* dalam penjualan rumah terhadap pelanggan pembiayaan BIMB akan dikaji dengan terperinci.

Terdapat banyak isu atau persoalan yang telah ditimbulkan oleh ahli akademik dan masyarakat awam terhadap amalan kontrak-kontrak pembiayaan hutang di BIMB. Di

antara isu atau persoalan yang telah ditimbulkan ialah operasi BIMB dikatakan tidak mengikut syarak yang sebenar dan keuntungan yang diambil dalam pembiayaannya terlalu tinggi dan sebagainya. Namun, BIMB pasti mempunyai alasan atau hujah yang tersendiri dalam menjawab isu atau persoalan yang telah dilemparkan kepadanya.

### C. Objektif Kajian

Kajian ini antara lain mempunyai beberapa objektif iaitu ;

- i- Mewujudkan pemahaman terhadap konsep pembiayaan dalam kewangan Islam terutamanya pembiayaan hutang yang banyak digunakan dalam sistem perbankan Islam di Malaysia hari ini.
- ii- Mengkaji secara ilmiah hukum amalan pembiayaan hutang iaitu *al-Bay' bi Thaman Ājil*, *bay' al-Murābahah*, *bay' al-Ijārah*, *bay' al-Dayn*, *bay' al-'Inah* dan *Qard al-Hasan* dalam kewangan Islam dengan merujuk kepada pandangan para ulama dan dalil-dalil yang digunapakai dalam menentukan sesuatu hukum.
- iii- Mengkaji operasi BIMB Holdings Berhad secara umum dan operasi syarikat BIMB secara khususnya. Modus pembiayaan (*modes of financing*) bagi pembiayaan hutang yang diamalkan di BIMB juga akan dikaji secara terperinci bagi menentukan sama ada ia benar-benar mengikut syarak atau sebaliknya.

- iv- Memfokuskan isu-isu atau persoalan syariah yang dikaitkan dengan amalan pembiayaan hutang di BIMB.
- v- Mengemukakan cadangan terhadap BIMB bagi mengemaskinikan operasi pembiayaan hutang yang diamalkan supaya lebih diterima masyarakat.
- vi- Merupakan salah satu usaha bagi mengumpul, memperkaya dan memperlengkapkan lagi khazanah ilmu, khususnya dalam bidang perbankan Islam.

#### **D. Hipotesis**

Hipotesis bagi kajian ini ialah kontrak pembiayaan hutang merupakan mekanisme pembiayaan yang diiktiraf oleh syarak iaitu sama seperti kontrak pembiayaan ekuiti. Ini kerana bagi kontrak-kontrak pembiayaan hutang seperti *al-Bay' bi Thaman Ājil*, *bay' al-Murābahah*, *bay' al-Ijārah*, *bay' al-Istiṣnā'*, *bay' al-Dayn*, *bay' al-'Īnah* dan *Qarḍ al-Ḥasan* terdapat dalil-dalil pensyariatannya yang tersendiri yang dikemukakan oleh golongan ulama fiqh yang mengharuskannya.

Oleh itu, tidak timbul persoalan yang mengatakan kontrak pembiayaan hutang adalah sama seperti riba. Sistem kewangan bagi sesebuah negara amat memerlukan kewujudan pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang. Ini bagi memenuhi semua kehendak setiap anggota masyarakat yang mempunyai kebebasan bekerja, memperolehi pendapatan dan memiliki harta. Ada ketikanya, terdapat anggota masyarakat memerlukan pembiayaan ekuiti dan di waktu yang lain pula pembiayaan hutang diperlukan. Seandainya masyarakat dipaksa mengambil atau mengamalkan

pembiayaan ekuiti sahaja bagi semua bentuk kehendak kewangan mereka, sistem masyarakat akan menemui jalan buntu dan aktiviti kewangan akan menjadi kucar kacir.<sup>9</sup>

Penulis merasa optimis bahawa amalan pembiayaan hutang di BIMB menepati kehendak syarak walaupun terdapat isu dan persoalan yang ditimbulkan oleh ahli akademik dan masyarakat awam mengenainya. Ini kerana BIMB mempunyai barisan ahli Majlis Pengawasan Syariah yang berkaliber dan berkeelayakan dalam bidang syariah dan kewangan Islam khususnya dalam bidang perbankan Islam. Sebenarnya pertelingkahan pendapat di kalangan para ulama di dalam Islam adalah merupakan satu rahmat kepada seluruh umat Islam. Walau bagaimanapun, penulis cuba membawa beberapa contoh modus pembiayaan (*modes of financing*) dan kalkulus bagi kontrak pembiayaan hutang yang terdapat di BIMB bagi membuktikan bahawa amalan pembiayaan hutangnya tidak mempunyai elemen riba sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pihak.

#### **E. Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini adalah untuk mendapatkan gambaran sebenar mengenai operasi syarikat BIMB secara umum dan mengkaji mengenai amalan pembiayaan hutang di BIMB secara terperinci. Sebenarnya, penulis mula berminat untuk membuat kajian berkenaan dengan mekanisme pembiayaan hutang yang terdapat di

---

<sup>9</sup> Dr. Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 380.

BIMB dari segi konsep dan pelaksanaannya setelah melihat kepada perkembangan dan sambutan masyarakat Islam dan bukan Islam terhadapnya sejak dari awal penubuhan BIMB. Adalah diharapkan dengan adanya kajian ini, operasi pembiayaan hutang secara terperinci di BIMB khususnya dapat didedahkan kepada masyarakat supaya tidak timbul lagi sebarang keraguan.

Sistem pembiayaan dalam Islam adalah berkonsepkan *al-bay'* atau jual beli dan pulangan yang diperolehi adalah dalam bentuk keuntungan. Sebaliknya sistem pembiayaan moden atau konvensional adalah berkonsepkan pinjaman (*loan*) dan pulangan yang diperolehi adalah dalam bentuk kadar faedah (*interest*) atau riba. Masyarakat perlu diberi kefahaman mengenai konsep pembiayaan dalam Islam supaya mereka tidak mudah terpengaruh dengan isu-isu sumbang atau negatif terhadap muamalat perbankan Islam.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak pelaksana sistem perbankan Islam secara umum dan pihak BIMB secara khususnya. Terdapat beberapa rumusan dan cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini yang diharapkan dapat membantu pihak pengurusan sistem perbankan Islam memperbaiki kelemahan dan kekurangan sistem pembiayaan Islam yang terdapat di Malaysia hari ini supaya sistem perbankan Islam mampu terus bersaing dengan institusi perbankan konvensional yang berasaskan riba yang diharamkan oleh Allah s.w.t.



Kajian ini juga diharap dapat memberi sumbangan kepada para penyelidik, pelajar, ahli akademik, para sarjana dan masyarakat awam dalam memahami sistem pembiayaan Islam secara umum dan pembiayaan hutang secara khusus.

## **F. Skop Kajian**

Kajian ini akan memberi penumpuan kepada kontrak pembiayaan hutang iaitu salah satu daripada dua mekanisme pembiayaan dalam Islam. Kontrak-kontrak pembiayaan hutang yang akan dikaji adalah kontrak yang terdapat di BIMB sahaja iaitu *al-Bay' bi Thaman Ājil*, *bay' al-Murābahah*, *bay' al-Ijārah*, *bay' al-Ijārah al-Muntahiyah bi al-Tamlīk*, *bay' al-Istiṣnā'*, *bay' al-Dayn*, *bay' al-Ṭinah* dan *Qarḍ al-Ḥasan*. Kajian ini akan menitikberatkan mengenai definisi, dalil pensyariatan, rasional pensyariatan dan rukun serta syarat sah bagi setiap kontrak. Kajian dari sudut tersebut bermaksud untuk memberikan kedudukan sesuatu kontrak di dalam Islam iaitu dari segi hukumnya.

Kajian ini tidak menyentuh tentang kontrak *al-Ijārah Thumma al-Bay'* (AITAB) iaitu kontrak sewaan yang diikuti dengan jual beli yang banyak diamalkan oleh bank-bank konvensional yang menyertai SPI kerana BIMB tidak menawarkan produk tersebut sebaliknya BIMB menggunakan produk *al-Ijārah al-Muntahiyah bi al-Tamlīk*. Walau bagaimanapun, penulis ada menerangkan mengenai salah satu daripada kontrak pembiayaan hutang iaitu *bay' al-Salam* walaupun produk tersebut tidak ditawarkan di BIMB untuk membuat perbandingan di antara *bay' al-Salam* dan *bay' al-Istiṣnā'*.

Selain itu, kajian ini turut memuatkan operasi syarikat BIMB dengan memberi tumpuan kepada perkembangan dan pencapaian BIMB sejak mula ditubuhkan pada tahun 1983 hinggalah ke tahun 2002. Konsep dan prinsip syariah yang diguna pakai dalam produk dan perkhidmatan BIMB juga telah ditonjolkan.

Seterusnya skop kajian ini ditumpukan kepada modus pembiayaan (*modes of financing*) bagi setiap kontrak pembiayaan hutang yang terdapat di BIMB bertujuan untuk mendapat kefahaman dan gambaran sebenar bagaimana sesuatu pembiayaan dilaksanakan dan pengiraan atau kalkulus sesuatu pembiayaan yang diberikan oleh BIMB kepada pelanggan. Daripada pengiraan yang diberikan, perbezaan yang lebih jelas tentang *al-bay'* dan riba dapat dilihat dalam urusniaga perbankan.

Skop kajian ini juga ditumpukan kepada beberapa isu dan persoalan yang ditimbulkan mengenai amalan pembiayaan hutang di BIMB yang dikatakan kurang mengikut kehendak syarak dan lebih berbentuk mencari keuntungan semata-mata. Penulis seterusnya meminta pandangan daripada pihak Majlis Pengawasan Syariah bagi menjawab isu dan persoalan yang ditimbulkan. Pandangan beberapa tokoh akademik dalam bidang ekonomi dan perbankan Islam juga telah diminta bagi mengulas isu dan persoalan yang dikemukakan terhadap amalan pembiayaan hutang di BIMB.

## G. Huraian Istilah

Tajuk kajian ini ialah “Pembiayaan Hutang dalam Kewangan Islam: Amalan di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)”. Berikut diberikan takrifan ringkas beberapa istilah penting untuk memberi gambaran yang lebih jelas terhadap tajuk kajian.

Menurut Kamus Dewan, pembiayaan bermaksud “perihal membiayakan atau membelanjakan”.<sup>10</sup> Manakala hutang pula bermaksud “ wang yang dipinjam daripada orang lain”.

Namun yang dimaksudkan dengan pembiayaan dalam Islam perlu dikaji dengan mendalam. Pembiayaan<sup>11</sup> disebut dalam bahasa Arab sebagai *al-Qirād* oleh penduduk al-Hijaz yang bermaksud modal yang diberikan oleh pemodal kepada seseorang pengusaha untuk diurusniagakan yang mana keuntungan akan diberikan kepadanya. Manakala penduduk Iraq pula menyebut pembiayaan sebagai *al-Muḍārabah* yang bermaksud pergi bermusafir di atas muka bumi untuk menjalankan perniagaan.

Manakala dari segi istilah syarak, pembiayaan adalah suatu akad perjanjian urusniaga antara pemodal dengan pengusaha. Dalam akad ini, pemodal bersetuju mengeluarkan sejumlah wangnya kepada pengusaha untuk membiayai sesuatu perusahaan atau

---

<sup>10</sup> Dr. Teuku Iskandar (1984), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 403.

<sup>11</sup> Dr. Wahbah al-Zuhayli (1997), *Al-Fiqh al-Islām wa Adillatuhu*, j, 5, c. 4. Damsyik : Dār al-Fikr , h. 3923.

sesuatu perniagaan dan sama-sama berkongsi keuntungan yang diperolehi hasil dari perusahaan atau perniagaan tersebut.<sup>12</sup>

Para peniaga dan pedagang Arab telah lama mengamalkan pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang dalam aktiviti perniagaan dan perdagangan mereka.<sup>13</sup> Apabila Islam datang di kalangan masyarakat Arab, ia telah menghalalkan pembiayaan ekuiti melalui kontrak-kontrak perkongsian untung seperti yang diamalkan oleh masyarakat Arab sebelumnya. Mengenai pembiayaan hutang pula, Islam menghalalkan pembiayaan hutang melalui kontrak-kontrak pertukaran bertanggung tetapi mengharamkan pembiayaan hutang melalui pinjaman berasaskan riba.<sup>14</sup>

Masyarakat Arab mengamalkan pembiayaan ekuiti<sup>15</sup> melalui kontrak-kontrak perkongsian untung (*'Uqūd al-Isytirāk*) seperti *al-Muḍārabah* (perkongsian untung "Amanah"), *al-Musyārah* (perkongsian untung "Usahasama") dan lain-lain. Manakala bagi pembiayaan hutang<sup>16</sup> pula, masyarakat Arab mengamalkannya melalui dua cara iaitu yang pertama melalui Kontrak-kontrak Pertukaran Bertanggung (*al-Bay' / al- Tijārah / al-Dayn / 'Uqūd al-Mu'āwāḍāt*<sup>17</sup>) seperti jualan harga tanggung (*al-Bay' bi-Thaman Ājil*), jualan dengan tambahan untung (*bay' al-*

---

<sup>12</sup> Osman Haji Sabran (2001), *Urusniaga al-Qard al-Hasan Dalam Pinjaman Tanpa Riba* Skudai : Universiti Teknologi Malaysia, h. 4.

<sup>13</sup> Dato' Dr. Abdul Halim Ismail (1996), "The Role of Islamic Instruments in Deepening Equity Markets" (Kertas kerja International Islamic Capital Market Conference di Kuala Lumpur, 21 – 22 Mac 1996), h. 2.

<sup>14</sup> Abdul Halim Ismail (1992), "Sistem Kewangan Islam" (Kertas Kerja Nadwah Pembangunan Islam Kelantan di Kota Bharu, 24-26 Ogos 1992, h. 6.

<sup>15</sup> *Ibid.*, h. 5.

<sup>16</sup> Dato' Dr. Abdul Halim Ismail (1996), *op.cit.*, h. 3.

<sup>17</sup> Mustapha Hamat (2002), "Pembangunan Produk Kewangan Islam Mengikut Perspektif Syariah" (Kertas Kerja Seminar Kewangan Islam di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 18 Jun 2002), h. 1.

*Murābahah*), sewaan (*al-Ijārah*), jualan *salam* (*bay' al-Salam*) dan jualan tempahan (*bay' al-Istiṣnā'*). Cara yang kedua pula ialah melalui pinjaman berasaskan riba (*al-Ribā al-Nasī'ah*).

Pinjaman dibenarkan dalam Islam tetapi tidak boleh melibatkan riba.<sup>18</sup> Pembiayaan dalam Islam lebih kepada urusniaga komersil yang berbentuk perniagaan. Segala produk yang diurusniagakan akan mengutamakan keuntungan yang seharusnya diperolehi daripada transaksi pembiayaan tersebut.<sup>19</sup> Dalil yang mengharuskan pembiayaan ekuiti dijelaskan oleh al-Sunnah dan ia tidak disentuh secara langsung oleh al-Quran. Manakala bagi pembiayaan hutang pula, dalil yang mengharuskannya terdapat secara jelas di dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Fokus kajian ini merupakan pembiayaan hutang yang terdapat dalam kewangan Islam di Malaysia hari ini iaitu sebagaimana diamalkan oleh BIMB. Terdapat beberapa kontrak pembiayaan hutang Islam yang dipraktikkan di BIMB iaitu *al-Bay' bi-Thaman Ājil*, *bay' al-Murābahah*, *al-Ijārah*, *bay' al-Īnah*, *bay' al-Istiṣnā'* dan *Qard al-Hasan*. BIMB tidak mengamalkan konsep *bay' al-Salam* dalam pembiayaan pelanggannya tetapi disebabkan *bay' al-Salam* mempunyai kaitan yang rapat dengan *bay' al-Istiṣnā'*, maka kajian ini turut mengupas persoalan *bay' al-Salam* dengan terperinci.

---

<sup>18</sup> Dato' Dr. Abdul Halim Ismail (1996). *op.cit.*, h. 4.

<sup>19</sup> *Ibid.*, h. 5.

Penjelasan ringkas mengenai setiap istilah kontrak pembiayaan hutang yang diamalkan di BIMB adalah seperti berikut ;

Di dalam kitab *al-Mawsū'ah al-'Ilmiyyah wa al-'Amaliyyah lil-Bunūk al-Islāmiyyah*<sup>20</sup> ada diterangkan tentang *al-Bay' bi-Thaman Ājil* yang didefinisikan sebagai menjual sesuatu dengan disegerakan penyerahan barangan yang dijual kepada pembeli dan ditangguhkan bayaran harganya sehingga ke satu masa yang ditetapkan. Pembayaran itu sama ada secara sekaligus atau dengan bayaran ansuran (*al-Taqsīt*) atau secara tahunan atau mengikut *period* atau tempoh tertentu sebagaimana yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

Manakala *bay' al-Murābahah* pula adalah jualan sesuatu barangan dengan harga kos dan dicampurkan keuntungan yang diketahui oleh pihak yang berkontrak iaitu pihak penjual dan pembeli.

*Al-Ijārah* pula merujuk kepada satu kontrak untuk memajak (*lease contract*) dan juga untuk menyewa (*hire contract*). Dalam konteks sistem kewangan Islam, *al-Ijārah* ialah kontrak di mana institusi kewangan atau bank memajakkan peralatan-peralatan atau barangannya kepada pelanggan dengan dikenakan sejumlah bayaran yang

---

<sup>20</sup> *al-Mawsū'ah al-'Ilmiyyah wa al-'Amaliyyah lil-Bunūk al-Islāmiyyah*(1982), j. 5. Kāherah : al-Ittiḥād al-Dawli lil-Bunūk al-Islāmiyyah.

tetap.<sup>21</sup> Jumhur fuqaha mengatakan bahawa *al-Ijārah* ini merupakan salah satu jenis *al-bay'* iaitu *bay' li manāfi' al-asyyā'* (jual beli manfaat sesuatu benda).<sup>22</sup>

*Bay' al-Salam* ini merupakan penjualan barang yang belum wujud semasa akad iaitu penjual tidak mengemukakan barang yang hendak dijual kepada pembeli semasa akad<sup>23</sup> tetapi pembayaran harga barangan disegerakan.

Huraian mengenai takrif *bay' al-Istiṣnā'* pula dibuat dengan membawa pandangan Ibn Manzur dalam kitabnya *Lisān al-'Arab*. Menurut Ibn Manzur *bay' al-Istiṣnā'* berlaku “apabila seseorang meminta atau menggalakkan atau menyebabkan seseorang lain membuat sesuatu”.<sup>24</sup> Ringkasnya, *bay' al-Istiṣnā'* ialah satu kontrak jual beli di mana pembekal barangan seperti tukang atau pekilang diminta untuk menyediakan atau mengeluarkan sesuatu barangan dengan spesifikasi tertentu pada harga, tempat dan masa penyerahan barang tempahan yang dipersetujui bersama.

Pengertian *bay' al-Dayn* pula ialah sejenis kontrak jual beli yang mana seorang pemiutang menjual hak hutangnya ke atas penghutang kepada penghutang itu sendiri atau kepada pihak ketiga.<sup>25</sup> Dengan kata lain, *bay' al-dayn* ialah satu bentuk perniagaan di mana seseorang yang mempunyai hak mengutip hutang yang akan

---

<sup>21</sup> Nabil A. Saleh (1986), *Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law : Riba, Gharar and Islamic Banking*. Cambridge University Press, h. 97.

<sup>22</sup> Dr. 'Abd al-Raḥmān Muḥammad Muḥammad 'Abd al-Qādir (1993), *al-Wasīṭ fi 'Aqd al-Ijārah fi al-Fiqh al-Islāmiyy*. Kāherah : Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah, h. 10.

<sup>23</sup> Muhammad Kamal 'Atiyah (1992), *Perakaunan Syarikat dan Bank Menurut Sistem Islam*. Mohd. Ghazali Abdul Wahid (terj.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 127.

<sup>24</sup> Muhammad al-Bashir Muhammad al-Amine (2001), *Istiṣnā' (Manufacturing Contact) in Islamic Banking and Finance*. Kuala Lumpur : A.S. Noordeen, h. 6.

*Ibid.*

<sup>25</sup> *Ibid.*

matang pada masa hadapan boleh menjual haknya kepada orang lain dengan harga yang dipersetujui bersama.<sup>26</sup>

*Bay' al-'Inah* seperti yang digambarkan dalam kitab *Mawsū'ah al-Fiqhiyyah* ialah apabila seseorang menjual barangan dengan harga bertangguh kepada suatu tempoh tertentu kemudian dia membelinya semula barangan tersebut secara tunai dengan harga yang lebih rendah daripada harga jualan bertangguh di atas.<sup>27</sup>

Manakala prinsip *Qard al-Hasan* pula merupakan pinjaman kebajikan di mana peminjam hanya perlu membayar hutangnya dengan jumlah yang dipinjamnya sahaja tanpa apa-apa bayaran tambahan.

Kewangan Islam merujuk kepada suatu sistem kewangan Islam<sup>28</sup> yang dibentuk dengan beransur-ansur semenjak zaman Rasulullah s.a.w. Sehingga pada zaman Sayyidina Umar al-Khattab r.a. barulah terbentuk sistem kewangan Islam ini secara lebih tersusun. Setelah itu, dari masa kesemasa sistem tersebut diperbaiki dan diperkembangkan. Pada prinsipnya, sistem kewangan ketika itu hanya tertumpu kepada sektor awam sahaja dan berpusatkan perbendaharaan negara atau baitulmal.

---

<sup>26</sup> Nor Mohamed Yacop (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 92.

<sup>27</sup> Dr. Ab. Mumin (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia., h. 421.

<sup>28</sup> Othman Yong (1993), *Pasaran dan Institusi Kewangan di Malaysia : Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 283.



Jikalau ditinjau dari sudut sejarah, hanya beberapa institusi kewangan sahaja yang jelas pernah diwujudkan oleh orang Islam iaitu baitulmal, waqf dan takaful.<sup>29</sup> Namun, sistem kewangan Islam di Malaysia hari ini telah melibatkan institusi-institusi kewangan yang berperanan penting meningkatkan kemajuan ekonomi negara dan masyarakat Islam khususnya iaitu BIMB dan bank-bank komersil yang telah menggunakan operasi perbankan secara Islam dan Lembaga Tabung Haji yang bertanggung jawab menguruskan tabungan sebilangan besar umat Islam yang ingin menunaikan fardu haji.

Sistem kewangan Islam mestilah dibentuk berdasarkan prinsip-prinsip<sup>30</sup> yang berlandaskan syariat dan bermatlamat untuk mengumpulkan modal yang mencukupi untuk pengeluaran, penggunaan dan penukaran. Sistem kewangan Islam mestilah boleh mengagihkan modal kepada sektor-sektor yang benar-benar memerlukan di samping boleh membawa faedah kepada masyarakat keseluruhannya. Sistem kewangan Islam juga perlu mewujudkan keadaan ekonomi yang makmur dan bersih daripada segala jenis kesempitan *daruri* di peringkat individu dan seterusnya dapat mewujudkan keadilan dan ihsan di peringkat masyarakat.

Untuk merealisasikan matlamat-matlamat sistem kewangan Islam tersebut, sesebuah sistem kewangan Islam perlu mempunyai ciri-ciri yang khusus. Sifat tolong menolong di antara sesama Islam dan segala kegiatannya mestilah disertai dengan sifat yang digalakkan oleh Islam seperti kesederhanaan, ikhlas, benar dan bertimbang

---

<sup>29</sup> *Ibid.*, h. 285.

<sup>30</sup> *Ibid.*, h. 284.

rasa adalah ciri-ciri yang perlu ada di dalam sebuah sistem kewangan Islam. Namun, ciri yang paling penting dalam sebuah sistem kewangan Islam ialah ia mesti bebas daripada segala larangan Allah s.w.t. termasuk riba, gharar, *ihtikār* (sorok barangan), penindasan, penipuan, pembaziran dan sebagainya.

Di dalam Kamus Dewan<sup>31</sup>, maksud amalan ialah “sesuatu yang dilakukan (dilaksanakan, dikerjakan dan sebagainya) sebagai suatu kebiasaan”. Kajian ini memilih BIMB sebagai tempat kajian walaupun terdapat banyak bank-bank di Malaysia menawarkan produk perbankan Islam kerana BIMB merupakan bank Islam yang pertama di Malaysia dan merupakan bank yang menjadi rujukan kepada bank-bank lain yang terlibat dalam SPI. BIMB juga banyak mengamalkan pembiayaan hutang dalam pembiayaan yang diberikan kepada pelanggannya. Kontrak pembiayaan yang paling popular dan mendapat sambutan di kalangan masyarakat Malaysia ialah kontrak pembiayaan hutang iaitu *al-Bay' bi-Thaman Ājil* (jualan dengan harga tangguh).

#### H. Ulasan Penulisan (Review of Literature)

Dalam menyiapkan penulisan disertasi ini, penulis telah membuat satu kajian mengenai hasil-hasil penulisan terdahulu. Ini merupakan satu langkah awal dalam sesuatu penulisan atau kajian. Ia juga bertujuan untuk meninjau sejauh mana sesuatu bidang kajian itu telah dilakukan oleh ahli akademik semasa atau di masa lalu. Penulis juga telah meluangkan masa meninjau segala teks dan bahan kajian melalui

<sup>31</sup> Dr. Teuku Iskandar (1984), *op.cit.*, h. 26.

buku, latihan ilmiah, disertasi, tesis, kertas kerja, laman web dan sebagainya untuk mendapat gambaran mengenai tajuk disertasi yang akan dikaji.

Terdapat beberapa kajian dan penulisan ilmiah mengenai pembiayaan hutang yang telah dilakukan oleh pelajar-pelajar universiti dalam memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran. Ini terbukti melalui tesis Ph.D oleh Osman bin Hj. Sabran (1993) di Universiti Malaya Kuala Lumpur bertajuk “Pinjaman dan Pembiayaan Tanpa Riba : Satu Kajian Terhadap Sistem Muamalat di Malaysia”.

Kajian tersebut cuba memperjelaskan perbezaan di antara pinjaman dan pembiayaan di dalam Islam. Di samping itu, terdapat penjelasan terperinci mengenai konsep riba yang wujud dalam transaksi pinjaman dan pembiayaan yang diamalkan di bank-bank konvensional yang berasaskan riba. Beberapa kontrak pembiayaan yang utama di dalam Islam iaitu kontrak *bay' al-Murābahah*, *al-Bay' bi-Thaman Ājil*, *Qard al-Hasan* dan *al-Rahn* yang terdapat dalam beberapa institusi kewangan Islam di Malaysia seperti BIMB dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia telah dikupas dengan begitu terperinci.

Seterusnya penulis telah merujuk kepada satu kajian di peringkat Sarjana yang telah dibuat oleh Joni Tamkin bin Borhan (1993) di Universiti Malaya Kuala Lumpur bertajuk “Sistem Perkongsian Islam : Suatu Analisis Khusus Terhadap Operasi Bank Islam, Syarikat Takaful dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji di Malaysia”. Kajian tersebut telah mengemukakan dengan terperinci mengenai konsep perkongsian dalam Islam dengan rujukan khusus terhadap operasi BIMB, Syarikat Takaful dan Lembaga

Urusan dan Tabung Haji. Kajian ini lebih khusus membincangkan mengenai peranan sistem perkongsian untung dan rugi sebagai alternatif untuk menggantikan sistem perbankan dan kewangan konvensional yang berasaskan riba. Namun, kajian ini juga mencadangkan penggunaan metode-metode alternatif yang lain yang bebas dari amalan riba kepada bank Islam seperti *bay' al-Murābahah*, *al-Bay' bi-Thaman Ājil*, sewaan dan sewa beli (*hire purchase*).

Terdapat banyak kajian yang didapati membuat penyelidikan mengenai operasi syarikat BIMB sebagai bank Islam pertama yang menggunakan sistem perbankan Islam yang bebas sepenuhnya dari amalan riba. Di antaranya ialah penulisan Zakariya Man (1988) yang bertajuk “Islamic Banking : The Malaysia Experience”. Beliau telah menilai prestasi perkembangan BIMB dalam tempoh dua tahun setelah ia ditubuhkan iaitu dari segi pertumbuhan deposit penyimpanan, aset keseluruhan, keperluan kecairan, pelaburan dan pengurusan syarikat.

Kajian seterusnya mengenai BIMB di peringkat Sarjana adalah kajian Isa Ma Xi Liang (1997) di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya Kuala Lumpur. Kajian beliau bertajuk “How Islamic Banking System Work and Operate in Malaysia”. Beliau telah mengkaji operasi syarikat BIMB dan penerimaan pelanggan terhadap operasi tersebut.

Kajian lain mengenai operasi dan peranan BIMB sebagai sebuah institusi kewangan Islam ialah kajian di peringkat Sarjana oleh Nasrudin bin Yaakub (2000) di Universiti Malaya Kuala Lumpur yang bertajuk “Peranan Bank Islam Malaysia Berhad Institute

of Research and Training (BIRT) Terhadap Perkembangan Sistem Perbankan dan Kewangan Islam di Malaysia". Kajian oleh Saudara Nasrudin ini pula menumpukan peranan BIRT BIMB dalam kemajuan dan perkembangan sistem perbankan dan kewangan di Malaysia.

Walaupun telah terdapat banyak kajian atau penulisan berkenaan dengan pembiayaan hutang dijalankan sebelum ini, penulis merasakan kajian penyelidikan penulis ini tetap mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Ini kerana jika dibandingkan dengan kajian-kajian lain, kajian ini menumpukan kepada semua kontrak pembiayaan hutang yang ditawarkan di BIMB iaitu *al-Bay' bi Thaman Ājil*, *bay' al-Murābahah*, *bay' al-Ijārah*, *bay' al-Istiṣnā*, *bay' al-Dayn*, *bay' al-Īnah* dan *Qarḍ al-Ḥasan*. Penulis juga telah mengkaji mengenai *bay' al-Salam* yang merupakan salah satu daripada kontrak pembiayaan hutang walaupun ia tidak ditawarkan di BIMB sebagai tambahan kepada pemahaman konsep *bay' al-Istiṣnā* yang begitu relevan dengan keperluan pembiayaan yang terdapat di negara kita hari ini.

Kebanyakan kajian atau penyelidikan mengenai kontrak pembiayaan hutang dalam kewangan Islam lebih menumpukan kepada satu atau dua kontrak pembiayaan hutang sahaja. Contohnya kajian di peringkat Sarjana oleh Mazran bin Mohd Nazim (2001) di Universiti Malaya Kuala Lumpur yang menulis berkenaan dua kontrak pembiayaan hutang yang utama iaitu *al-Murābahah* dan *al-Bay' bi Thaman Ājil*. Tajuk kajian beliau ialah "Mekanisme *al-Murābahah* dan *al-Bay' bi Thaman Ājil* dalam Sistem Pembiayaan di Bank Islam Malaysia Berhad". Seterusnya kajian di peringkat Sarjana oleh Muhammad Noor Habibi Haji Long (1998) di Universiti Malaya Kuala Lumpur

yang bertajuk “Akad *al-Murābahah* Mengikut Perundangan Islam dan Pemakaiannya di Bank Bumiputera Malaysia Berhad”. Saudara Abdul Basit Darawi (1998) di Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi dalam disertasi peringkat Sarjana ada menulis berkenaan “Pembiayaan Hutang Dalam Skim Perbankan Tanpa Faedah”. Namun, pembiayaan hutang yang ditumpukan berlegar terhadap tiga kontrak pembiayaan hutang iaitu *al-Bay’ bi Thaman Ājil*, *al-Ijārah* dan *Qarḍ al-Ḥasan*.

Terdapat juga hasil karya mengenai Sistem Perbankan dan Kewangan Islam yang telah dibukukan sebagai panduan dan rujukan kepada masyarakat awam. Di antaranya ialah karya (1999) bertajuk *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia* yang menyentuh secara terperinci mengenai pelaksanaan sistem kewangan Islam di Malaysia. Penulis mendapati karya oleh Dr. Ab. Mumin Ab. Ghani ini merupakan karya ulung yang menyentuh mengenai semua kontrak pembiayaan hutang secara terperinci.

Sano Koutoub Moustapha (2001) pula menulis mengenai konsep pembiayaan *bay’ al-Dayn* dalam bukunya yang bertajuk “*The Sale of Debt as Implemented by The Islamic Financial Institutions in Malaysia*”. Kajian ini telah mengupas persoalan *bay’ al-Dayn* yang telah menjadi perselisihan di kalangan para ulama mengenai amalannya dalam sistem kewangan Islam di Malaysia hari ini. Tulisan Radiah Abdul Kader (2001) bertajuk “*Ekonomi Islam*” juga banyak membicarakan tentang isu-isu yang ditimbulkan mengenai amalan pembiayaan di BIMP khususnya kontrak *al-Bay’ bi Thaman Ājil* dan *al-Ijārah* yang banyak membantu penulis mengembangkan idea mengenai perkara tersebut.

Daripada kajian penyelidikan dan tulisan terdahulu yang telah disebut di atas, penulis merasakan bahawa satu kajian terperinci mengenai pandangan syarak terhadap kontrak-kontrak pembiayaan hutang yang terdapat di dalam operasi syarikat BIMB perlu dibuat. Begitu juga dengan kajian terhadap pelaksanaan modus pembiayaan (*modes of financing*) sama ada ia benar-benar beroperasi mengikut syarak atau sebaliknya. Kajian ini juga membincangkan dengan jelas mengenai isu atau persoalan yang ditimbulkan oleh masyarakat Islam mengenai amalan pembiayaan hutang di BIMB.

Sesungguhnya penubuhan BIMB dianggap sebagai tanda positif dan sihat terhadap perkembangan perbankan dwi sistem (*dual system of banking*) di Malaysia. Matlamat utama perbankan Islam ialah menyediakan alternatif kepada sistem perbankan berasaskan riba. Oleh itu, perkembangan kemajuan BIMB dalam industri perbankan dan segala isu yang berkaitan telah diperdebatkan secara meluas di kalangan para profesional dan para ulama.<sup>32</sup>

---

<sup>32</sup> Wong Choo Sum (1995), "Bank Islam Malaysia : Performance Evaluation, 1983-1993" dalam Saad al-Harran *et al.* (ed), *Leading Issues in Islamic Banking and Finance*. Kuala Lumpur : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., h. 83.

## I. Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ini mirip kepada penyelidikan deskriptif yang bertujuan untuk menghuraikan sifat sesuatu perkara/keadaan dan menerokai sesuatu bidang yang kurang dikaji.<sup>33</sup> Dari perspektif sistem kewangan Islam, kajian ini merupakan kajian susulan bagi kajian-kajian lepas yang pernah dijalankan. Namun dari perpektif sistem pembiayaan hutang Islam di BIMB secara terperinci, kajian ini mungkin merupakan kajian perintis.

Kajian ini lebih bersifat kajian perpustakaan kerana sebahagian besar kajian dilakukan dengan membuat penyelidikan dan penganalisan terhadap bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan. Sumber-sumber data yang menjadi rujukan ialah buku, ensiklopedia, jurnal, laporan, majalah, akhbar, bahan tidak diterbitkan (latihan ilmiah, disertasi dan tesis) dan kertas kerja seminar.

Penulis turut merujuk kepada kitab-kitab hasil tulisan sarjana dan pemikir Islam silam seperti pendapat Mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali. Hasil tulisan ulama semasa dan kontemporari juga telah dirujuk seperti Syeikh Yusuf al-Qardawi, Muhammad Nejatullahi Siddiqui dan sebagainya. Namun, al-Quran dan al-Sunnah menjadi rujukan utama kepada kajian ini.

---

<sup>33</sup> Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 96.



Hampir keseluruhan kajian ini menggunakan metode dokumentasi untuk mendapatkan data/fakta yang mencukupi dan tepat bagi semua bab. Melalui metode ini, data-data dan fakta-fakta berhubung tajuk kajian dikutip dari bahan-bahan rujukan terlebih dahulu sebelum disusun. Setiap buku berhubung dengan kontrak pembiayaan hutang dalam kewangan Islam dan operasi syarikat BIMB menjadi rujukan penuh penulis. Manakala buku-buku dan rencana-rencana yang berbentuk sampingan dan tambahan digunakan penulis bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan menguatkan lagi pemahaman.

Temubual juga telah dijalankan bagi mendapat maklumat tambahan dan penjelasan tentang permasalahan tertentu. Individu-individu yang telah ditemui terdiri daripada pegawai BIMB di BIMB cawangan Jengka, pegawai ahli Majlis Pengawasan Syariah (MPS) di ibu pejabat BIMB dan beberapa tokoh akademik dalam bidang ekonomi dan perbankan Islam di Malaysia yang merupakan tenaga pengajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.

Selain itu, data tentang amalan pembiayaan hutang dalam kewangan Islam juga didapati dengan menghadiri beberapa seminar dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam yang telah dianjurkan oleh beberapa universiti tempatan.

Kemudahan internet juga digunakan bagi memperolehi maklumat yang berkaitan terutamanya untuk memuat turun maklumat daripada jurnal kewangan dan perbankan Islam antarabangsa yang sukar didapati di perpustakaan awam dan universiti

tempatan. Beberapa artikel dan kertas kerja yang telah diperolehi daripada laman-laman web.

Setelah selesai proses pengumpulan data, penulis seterusnya menyusun, mengolah dan menganalisa data bagi dimuatkan dalam bab-bab tertentu. Di peringkat ini, metode induktif dan metode deduktif digunakan bagi menghuraikan mengenai kontrak pembiayaan hutang dalam kewangan Islam sepertimana yang diamalkan dalam operasi syarikat BIMB. Dalil-dalil dari *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah* serta pendapat para ulama dikemukakan bagi menghuraikan sesuatu hujah dan fakta khususnya dalam bab-bab yang menyentuh dalam kontrak pembiayaan hutang Islam.

Melalui kedua-dua metode di atas, penulis boleh membuat kesimpulan dan menyelesaikan percanggahan pendapat tentang beberapa kontrak pembiayaan hutang. Analisa perbandingan boleh dibuat terhadap hujah yang dikemukakan oleh golongan yang mengutarakan isu-isu terhadap amalan pembiayaan hutang di BIMB dan hujah yang dikemukakan oleh pihak pengamal kepada kontrak pembiayaan hutang Islam iaitu pihak BIMB sendiri. Daripada analisa perbandingan tersebut juga, penulis dapat membuat kesimpulan sama ada kontrak-kontrak pembiayaan hutang yang diamalkan dalam operasi syarikat dan pembiayaan pelanggan BIMB benar-benar menurut syarak atau sebaliknya.